

**Bekas Adun Kajang mohon maaf undur diri beri Anwar laluan
Malaysian Insider
Jan 29 , 2014
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang, Lee Chin Cheh memohon maaf kepada pengundi Kajang berikutan tindakannya melepaskan jawatannya dan memberikan laluan kepada Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding di kerusi berkenaan.

"Saya mohon maaf kepada pengundi Kajang. Ia (perletakan jawatan) bagi membolehkan Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding di Kajang," katanya pada sesi taklimat bersama PKR Selangor di Kajang, hari ini.

Lee ketika berucap di Dewan Orang Ramai Kampung Sungai Sekamat di Kajang berkata, keputusan itu dibuat bagi membolehkan Pakatan Rakyat (PR) berjaya menawan Putrajaya.

"Keputusan ini perlu bagi perkukuhkan parti. Keputusan ini akan membawa kebaikan di peringkat kerajaan dan Selangor.

"Bermulanya langkah di Kajang, PR akan melangkah dengan lebih tegap ke Putrajaya," katanya.

Lee meletakkan jawatan sebagai Adun Kajang pada Isnin, tujuh bulan selepas memenangi kerusi berkenaan pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) pada 5 Mei lalu.

Tindakan Lee untuk membolehkan Anwar, yang juga ketua pembangkang bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan, sekali gus mencetuskan spekulasi tindakan berkenaan bagi membolehkan Abdul Khalid diturunkan daripada jawatan menteri besar Selangor.

Anwar bagaimanapun menafikan perkara itu, namun Abdul Khalid turut dilaporkan sebelum ini berkata beliau hanya akan berundur sekiranya terdapat konsensus antara PKR, PAS dan DAP berhubung isu tersebut.

Lee memenangi kerusi DUN Kajang dengan menewaskan lima calon lain dalam PRU13, apabila berjaya memenangi kerusi berkenaan dengan majoriti 19,571 undi menewaskan calon Barisan Nasional (BN), Lee Ban Seng yang memperolehi 12, 747 undi.

Empat calon lain bertanding atas tiket bebas.

Tindakan Lee itu turut menerima kecaman pertubuhan badan bukan kerajaan Bersih dengan mengatakan Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang hanya akan membazirkan wang rakyat. - 29 Januari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bekas-adun-kajang-mohon-maaf-undur-diri-beri-anwar-laluan>

